

**Wanita Umno P. Pinang Sifatkan Mohamad Sabu Ikut Nafsu Bernama  
29 Ogos 2011**

GEORGE TOWN, 29 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno Pulau Pinang hari ini menyifatkan Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu sebagai seorang yang bercakap mengikut nafsu dan tidak menggunakan akal serta fakta sejarah.

Ketuanya Zabariah Wahab juga berkata amat malang bagi PAS yang mendakwa memperjuangkan Islam kerana memiliki pemimpin yang memuja kumpulan pengganas yang membawa fahaman tidak percayakan agama.

Mungkin disebabkan marah, dendam dan benci terhadap anggota polis, Mohamad mengambil jalan mudah untuk memburuk-burukkan kewibawaan polis dan memperkecilkan peranan pasukan keselamatan itu, katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Zabariah berkata kerajaan tidak pernah mengiktiraf perjuangan komunis kerana ia tidak berlandaskan kepada undang-undang sebaliknya menggunakan pendekatan radikal bagi mencapai matlamat dan agenda tersendiri.

Beliau mengulas laporan media yang antara lain menyebut pemimpin PAS itu dalam ceramah di Tasek Gelugor, Pulau Pinang, pada 21 Ogos lepas mendakwa pengganas yang menyerang dan membunuh anggota keselamatan dan keluarga dalam tragedi Bukit Kepong adalah hero sebenar.

Zabariah juga menempelak Mohamad kerana sanggup mengubah sejarah dengan melabelkan dua tokoh negara iaitu Tunku Abdul Rahman dan Datuk Onn Jaafar sebagai pegawai British, semata-mata kerana fahaman politik berbeza.

Sementara itu, Persatuan Bekas Polis Malaysia cawangan Pulau Pinang, Persatuan Bekas Tentera Malaysia Cawangan Pulau Pinang dan Persatuan Suara Anak-anak Malaysia mengadakan demonstrasi aman di depan Kompleks Tun Abdul Razak bagi membantah kenyataan pemimpin nombor dua PAS tersebut.

Timbalan Yang Dipertua Persatuan Bekas Tentera Malaysia Cawangan Pulau Pinang Abdul Wahab Tahir berkata Mohamad harus memohon maaf kepada bekas pejuang negara kerana memberikan fakta yang tidak tepat.

Beliau turut menggesa Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan tegas kepada Mohamad dan menahannya mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri.

"Mat Sabu adalah pengkhianat negara, dia tidak pernah mengenang jasa pejuang negara dan jika bukan disebabkan kami, rakyat tidak dapat tidur lena seperti sekarang, tidak kecapai kemerdekaan dan kemajuan seperti apa yang ada di sini bukannya kerana komunis," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=610994>